

AHAD 25 Ogos, 1974

## TERPESONG DARI TUJUAN ASAL

**O**LEH kerana bimbang bahawa seni mempertahankan diri boleh disalahgunakan oleh anasir-anasir anti-sosial maka Pemerintah telah mengadakan undang-undang bagi mengawal kegiatan ini. Orang-orang yang tahu menggunakan seni ini adalah menggunakan senjata yang merbahaya dan langkah-langkah perlu diambil supaya badan yang menganjurkannya mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Undang-undang ini akan berjalan kuatkuasanya pada bulan depan.

Undang2 ini antara lain mewajibkan pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri, instraktor-instraktor dan orang-orang yang ingin mempelajarinya supaya mendafarkan diri. Setiap orang yang mengurus atau yang membantu sesebuah pertubuhan seni pertahanan diri yang tidak berdaftar boleh didenda dengan berat.

Menurut undang-undang itu lagi para instraktor yang tidak berdaftar boleh didenda \$2,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali. Sementara orang-orang yang tidak mendaftar tetapi menerima latihan seni pertahanan diri boleh didenda hingga \$2,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali. Satu sijil akan diberi selepas satu-satu pendaftaran itu diluluskan. Yuran yang dikenakan ialah \$50.00. Satu sijil akan diberi kepada instraktor-instraktor dan orang-orang yang ingin mempelajari seni ini selepas pendaftaran mereka diluluskan. Untuk para instraktor bayarannya ialah \$100 setahun sementara bagi orang-orang yang ingin belajar pula ialah \$5 setahun.

Betapa popularnya kesenian mempertahankan diri ini boleh dilihat pada banyaknya badan tersebut menawarkan perkhidmatannya kepada orang-orang yang ingin belajar seni tersebut. Pada akhir 1973 ada 128 pertubuhan itu di Singapura, berbanding dengan hanya 32 buah dalam 1963. Sementara bilangan orang-orang yang mengikuti latihan tersebut ialah 15,000.

Oleh kerana sambutannya amat menggalakkan ada di antara pertubuhan-pertubuhan ini lebih menitikberatkan soal mencari wang daripada berusaha untuk menggalakkan seni itu dipelajari di kalangan rakyat. Begitu juga beberapa orang yang mempelajari seni itu untuk satu jangkamasa sudah-pun dianggap layak untuk mengajar orang lain. Keadaan ini perlu dikawal supaya mutu kesenian ini sendiri tidak merosot dan anasir-anasir gangster tidak akan cuba menyusupinya untuk mempelajari seni tersebut semata-mata untuk memenuhi tujuan-tujuan jahat mereka.

Tidak syak lagi bahawa kawalan undang-undang untuk kesenian mempertahankan diri ini adalah perlu. Tetapi seperti yang dijelaskan oleh kenyataan Pemerintah kemarin kawalan ini tidaklah bertujuan bagi menyekat pertumbuhan kesenian itu dari dipelajari rakyat demi untuk tujuan kesihatan mere-

ka.

Adalah dikesalkan juga bahawa konsep seni yang baik ini sekarang sudah dicampurkan dengan ajaran-ajaran ugama yang sama sekali bertentangan dengan tujuan asal seni tersebut yang lebih merupakan suatu bentuk sukan untuk rakyat. Dengan memasukkan unsur-unsur keugamaan di dalamnya maka tujuan asalnya sudah bertukar kerana keanggotaannya hanya terbatas di lingkungan orang-orang yang percaya kepada ajaran itu saja. Inipun boleh dianggap sebagai menyalahgunakan tujuan seni mempertahankan diri sebagai yang kita faham pengertiannya.

## JANGAN SALAH LANGKAH

**B**UKANLAH kali pertama rasanya pihak pendaftar unit kawalan seni mempertahankan diri membuat seruan supaya badan-badan atau orang-orang yang terlibat dalam kegiatan seni silat mendaftarkan diri. Tetapi masih belum ada sebuah pun pertubuhan Melayu yang berbuat demikian. Mengapa? Adakah mereka masih belum faham? Kalau belum, mereka harus difahamkan. Dan badan-badan gabungan seperti Majlis Pusat tentu dapat menolong memberi penerangan dan bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan. Hendaknya janganlah ada mereka yang terhukum, setelah pendaftaran ditutup 2 Disember nanti.